



# **RANGKA KERJA AUDIT CUKAI PETROLEUM**

**TARIKH KUAT KUASA: 15 DISEMBER 2019**

---

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>1. PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>2. KUASA YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG</b>	<b>1</b>
<b>3. APA ITU AUDIT CUKAI?</b>	<b>3</b>
<b>4. OBJEKTIF AUDIT CUKAI</b>	<b>4</b>
<b>5. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI</b>	<b>4</b>
<b>6. PEMILIHAN KES</b>	<b>4</b>
<b>7. PELAKSANAAN AUDIT CUKAI</b>	<b>5</b>
7.1 Tindakan Awal Audit	5
7.2 Lawatan Audit	6
7.3 Tempoh Lawatan Audit Luar	8
7.4 Semakan Rekod	8
7.5 Penyelesaian Audit	10
7.6 Pengakuan Sukarela	11
<b>8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB</b>	<b>12</b>
8.1 LHDNM	12
8.2 Pembayar Cukai	13
8.3 Ejen Cukai Berdaftar	15
<b>9. KERAHSIAAN MAKLUMAT</b>	<b>16</b>
<b>10. KESALAHAN DAN PENALTI</b>	<b>16</b>
<b>11. PENGADUAN</b>	<b>17</b>
<b>12. PROSEDUR BAYARAN</b>	<b>17</b>
<b>13. RAYUAN</b>	<b>18</b>
<b>14. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN</b>	<b>18</b>

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Pentadbiran sistem percukaian yang adil, telus dan saksama akan dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian tersebut. Pematuhan terhadap undang-undang percukaian hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas dan kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan pengelakan cukai hendaklah diambil tindakan mengikut peruntukan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (AP(CP)).
- 1.2 Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), audit cukai adalah aktiviti utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Seseorang pembayar cukai boleh dipilih untuk diaudit pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayar cukai telah dipilih untuk diaudit ini tidak bermaksud pembayar cukai tersebut telah melakukan kesalahan.
- 1.3 Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum (RKACP) yang dikeluarkan oleh LHDNM ini bertujuan untuk memastikan audit cukai ke atas mana-mana pembayar cukai dalam industri petroleum dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama. RKACP ini menggariskan hak serta tanggungjawab pegawai audit, pembayar cukai dan ejen cukai. Secara umumnya, RKACP ini bertujuan untuk:
  - a. membantu pegawai audit menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan; dan
  - b. membantu pembayar cukai memenuhi tanggungjawab mereka.

## 2. KUASA YANG DIPERUNTUKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG

- 2.1 Peruntukan undang-undang di bawah AP(CP) yang diguna pakai dalam audit cukai adalah:
  - a. Subseksyen 18(1A) : Potongan tidak dibenarkan jika maklumat yang diminta oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) mengikut notis di bawah seksyen 34 AP(CP) tidak diberikan dalam masa yang ditetapkan.
  - b. Seksyen 31 : Kuasa meminta penyata khusus dan pengemukaan buku-buku tertentu.

- c. Seksyen 32 : Kuasa untuk meminta penyata akaun bank dan sebagainya.
- d. Seksyen 33 : Kuasa untuk mengakses bangunan, dokumen dan sebagainya.
- e. Seksyen 34 : Kuasa untuk meminta maklumat.
- f. Seksyen 34A : Kewajipan penyimpanan rekod.
- g. Seksyen 43 : Hak untuk merayu.
- h. Seksyen 44 : Lanjutan masa bagi rayuan.
- i. Seksyen 45 : Kajian semula oleh Ketua Pengarah.
- j. Seksyen 46 : Penyelesaian rayuan.
- k. Seksyen 51 : Kesalahan bagi kegagalan mengemukakan Borang Nyata Petroleum.
- l. Seksyen 52 : Kesalahan bagi pengemukaan penyata yang tidak betul.
- m. Seksyen 54 : Kesalahan bagi memberi atau menyebabkan halangan kepada pegawai.
- n. Seksyen 58 : Kesalahan-kesalahan lain.
- o. Seksyen 71 : Peruntukan kerahsiaan.
- p. Seksyen 72 : Kuasa untuk tidak mengambil kira transaksi-transaksi tertentu.

2.2 Kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang berkenaan dengan audit cukai tidak hanya terhad kepada peruntukan undang-undang tersebut di atas. Ia juga meliputi keseluruhan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

### 3. APA ITU AUDIT CUKAI?

3.1 Audit cukai ialah semakan / pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan dan cukai yang sepatutnya dikira serta dibayar adalah mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. LHDNM menjalankan dua (2) jenis audit, iaitu audit meja dan audit luar.

#### a. Audit Meja

- i. Audit meja dijalankan di pejabat LHDNM. Ia melibatkan isu-isu atau pelarasan pendapatan dan cukai yang boleh diselesaikan melalui surat menyurat. Pembayar cukai mungkin dipanggil ke pejabat LHDNM untuk ditemuduga sekiranya maklumat lanjut diperlukan.
- ii. Secara umum, audit meja melibatkan semakan / pemeriksaan ke atas semua maklumat pendapatan dan perbelanjaan serta pelbagai jenis tuntutan yang dibuat oleh pembayar cukai dalam Borang Nyata Petroleum (BNP).
- iii. Bagi keadaan tertentu, kes audit meja boleh dirujuk untuk tindakan audit luar. Dalam keadaan tersebut, pembayar cukai akan dimaklumkan sebagaimana proses biasa permulaan sesuatu tindakan audit luar dijalankan.

#### b. Audit Luar

Audit luar dijalankan sama ada di premis pembayar cukai, pejabat LHDNM atau mana-mana tempat yang dipersetujui oleh pembayar cukai dan LHDNM. Ia melibatkan semakan rekod perniagaan. Pembayar cukai akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan audit luar dijalankan.

3.2 Secara umum, Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum ini terpakai bagi kedua-dua jenis audit iaitu audit meja dan audit luar.

## 4. OBJEKTIF AUDIT CUKAI

- 4.1 Objektif utama audit cukai ialah untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian dan memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah Sistem Taksir Sendiri. Sehubungan dengan itu, pegawai audit perlu memastikan bahawa pendapatan yang betul telah dilaporkan dan cukai telah dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.
- 4.2 Aktiviti audit cukai adalah salah satu pendekatan LHDNM untuk memberi pendidikan serta pendedahan kepada pembayar cukai terhadap tanggungjawab dan kewajipan mereka di bawah peruntukan AP(CP).

## 5. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI

- 5.1 Audit cukai dijalankan secara audit menyeluruh dan boleh meliputi sehingga tiga (3) tahun taksiran.
- 5.2 Walau bagaimanapun, tahun-tahun taksiran yang diliputi untuk membangkitkan taksiran boleh dilanjutkan sehingga lima (5) tahun taksiran kebelakang bergantung kepada isu-isu audit yang ditemui. Had bagi tempoh liputan ini tidak terpakai bagi kes audit yang melibatkan penipuan (*fraud*), keingkaran sengaja (*wilful default*) atau kecuaiian (*negligence*) seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 39(3) AP(CP).
- 5.3 Bagi kes audit yang melibatkan peringkat eksplorasi, oleh kerana tempoh asas belum wujud, maka audit cukai yang dijalankan adalah mengikut tempoh perakaunan yang dikemukakan. Audit cukai yang dijalankan adalah sama seperti di peringkat produksi (perenggan 5.1 dan 5.2).

## 6. PEMILIHAN KES

- 6.1 Pemilihan kes audit cukai dilakukan melalui sistem komputer berasaskan kepada kriteria penilaian risiko dan/atau berasaskan kepada pelbagai punca maklumat yang diterima.

- 6.2 Antara asas yang digunakan dalam pemilihan kes audit cukai adalah seperti berikut:
- a. pemilihan melalui kriteria penilaian risiko;
  - b. maklumat yang diterima daripada pihak ketiga; dan
  - c. pemilihan berasaskan isu-isu khusus.

## 7. PELAKSANAAN AUDIT CUKAI

### 7.1 Tindakan Awal Audit

- 7.1.1 Surat Memohon Dokumen dan Maklumat akan dikeluarkan kepada pembayar cukai melalui emel rasmi atau faks atau pos bagi mendapatkan dokumen dan maklumat.
- 7.1.2 Bagi kes yang memerlukan pembayar cukai mengemukakan dokumen dan maklumat, pembayar cukai dikehendaki memberikan maklum balas dalam tempoh 14 hari kalendar dari tarikh Surat Memohon Dokumen dan Maklumat. Sekiranya pembayar cukai gagal mengemukakan maklum balas dalam masa yang ditetapkan, tindakan audit akan diteruskan dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian.
- 7.1.3 Bagi kes audit meja, Surat Memohon Dokumen dan Maklumat tidak akan dikeluarkan bagi kes tertentu, tetapi pembayar cukai akan dimaklumkan berkenaan pelarasan pendapatan dan cukai yang dikenakan yang akan dikeluarkan bersama-sama Notis Taksiran.
- 7.1.4 Bagi kes audit luar, Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sekurang-kurangnya 14 hari kalendar sebelum tarikh lawatan.
- 7.1.5 Sekiranya Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat permohonan untuk menangguhkan tarikh lawatan audit atas sebab-sebab yang munasabah dan tidak dapat dielakkan.

- 7.1.6 Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan akan mengandungi perkara-perkara berikut:
- a. tarikh lawatan;
  - b. rekod-rekod yang perlu disediakan;
  - c. tahun taksiran yang akan diaudit;
  - d. nama pegawai-pegawai audit; dan
  - e. jangka masa lawatan audit.
- 7.1.7 Pembayar cukai boleh menghubungi Pengarah Seksyen atau Pengarah Bahagian Huluan atau Pengarah Cawangan Industri Khas bagi tujuan pengesahan lawatan audit tersebut.
- 7.1.8 LHDNM boleh mengadakan lawatan ke mana-mana premis pembayar cukai atau berkaitan pembayar cukai dengan memaklumkan kepada pembayar cukai terlebih dahulu.
- 7.1.9 Semakan audit dengan pemakluman boleh dipanjangkan ke atas syarikat / perniagaan berkaitan atau yang mempunyai kawalan oleh pembayar cukai.
- 7.1.10 Sekiranya tiada lawatan audit dibuat, Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes akan dikeluarkan kepada pembayar cukai bagi memaklumkan tarikh permulaan pengiraan tempoh penyelesaian kes audit.

## 7.2 Lawatan Audit

- 7.2.1 Lawatan audit hanya terpakai bagi aktiviti audit luar sahaja. Semakan audit boleh dilaksanakan di tempat seperti berikut:
- a. premis perniagaan pembayar cukai / ejen cukai;
  - b. pejabat LHDNM; atau
  - c. tempat lain yang sesuai dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.



7.2.2 Semasa lawatan audit, pegawai audit akan:

- a. memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa yang memaparkan nama dan gambar pegawai berkenaan atau surat kuasa yang dikeluarkan oleh LHDNM;
- b. memberitahu tujuan lawatan kepada pembayar cukai di peringkat awal lawatan;
- c. memaklumkan kepada pembayar cukai / ejen cukai bahawa di bawah seksyen 33 AP(CP) pegawai berkenaan pada setiap masa mempunyai kuasa sepenuhnya dan bebas untuk:
  - i. memasuki serta memeriksa segala tanah, bangunan dan tempat; dan
  - ii. melihat segala buku, dokumen, objek, artikel, material dan barang serta memeriksa, mengambil, membuat salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen tanpa membuat apa-apa bayaran.
- d. memberitahu skop dan tempoh semakan / pemeriksaan dokumen yang perlu diambil untuk audit;
- e. memberitahu nama, nombor telefon pejabat pegawai dan pegawai kanan yang mengawasi pengauditan;
- f. memberitahu hak dan tanggungjawab pembayar cukai semasa pengauditan dijalankan;
- g. membuat semakan / pemeriksaan dokumen di tempat-tempat yang dilawati;
- h. mengakses, memuat turun dan mengambil maklumat yang berkaitan daripada sebarang peralatan media elektronik; dan
- i. menemuduga pembayar cukai serta orang-orang yang berkenaan.

7.2.3 Semasa audit dijalankan, pegawai yang mengendalikan rekod-rekod perniagaan pembayar cukai juga turut ditemuduga.

7.2.4 Dalam keadaan tertentu, lawatan audit tidak akan dibuat di premis pembayar cukai dan semakan dokumen hanya dilaksanakan di pejabat LHDNM.

## 7.3 Tempoh Lawatan Audit Luar

Tempoh masa yang diambil untuk mengaudit adalah antara dua (2) hingga lima (5) hari. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut mungkin dilanjutkan bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- a. saiz dan kerumitan transaksi perniagaan yang dijalankan;
- b. bentuk rekod yang disimpan;
- c. tahap kerjasama yang diberikan oleh pembayar cukai; atau
- d. bilangan ahli kongsi yang berlainan lokasi.

## 7.4 Semakan Rekod

7.4.1 Semasa proses pengauditan, pegawai audit hendaklah dibenarkan menyemak rekod perniagaan pembayar cukai serta transaksi yang penting dan berisiko serta mengambil dokumen sokongan sebagai bukti audit. Semakan tidak akan melibatkan rekod bagi tahun taksiran yang telah luput tempoh masa.

7.4.2 Dalam keadaan tertentu pegawai audit juga perlu menyemak rekod-rekod selain daripada rekod perniagaan pembayar cukai.

7.4.3 Di bawah peruntukan seksyen 33 AP(CP), pegawai audit dibenarkan mengakses sepenuhnya rekod-rekod pembayar cukai. Semakan rekod hanya akan dilakukan di premis pembayar cukai / mana-mana premis berkaitan pembayar cukai / pejabat LHDNM. Sekiranya perlu pegawai audit hendaklah dibenarkan membuat salinan rekod dan dokumen yang berkaitan.

7.4.4 Sekiranya terdapat keperluan untuk pengambilan dokumen dan rekod asal pembayar cukai oleh pegawai audit, pegawai audit akan menyediakan senarai dan akuan terimaan pengambilan dokumen dan rekod yang mana senarai tersebut akan ditandatangani oleh pegawai audit dan pembayar cukai atau ejen cukai. Pembayar cukai boleh menyemak dokumen dan rekod tersebut serta membuat salinan ke atas senarainya (jika perlu).

- 7.4.5 Sekiranya buku dan rekod perakaunan disimpan secara elektronik, pegawai audit dibenarkan mengakses sistem komputer, server atau gajet serta memuat turun data-data perakaunan tersebut ke dalam cakera padat, pemacu pena (pen drive), cakera keras mudah alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain.
- 7.4.6 Pegawai audit akan menjalankan semakan ke atas semua dokumen dan rekod yang berkaitan bagi menentukan amaun pendapatan yang betul telah dilaporkan. Pembayar cukai boleh mendapatkan panduan berhubung dengan simpanan rekod melalui buku-buku panduan yang dikeluarkan oleh LHDNM.
- 7.4.7 Peruntukan seksyen 34A AP(CP) menghendaki pembayar cukai menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan pendapatan atau kerugian daripada perniagaan ditentukan. Rekod dan dokumen adalah termasuk:
- a. buku akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran atau pendapatan dan perbelanjaan;
  - b. penyata kewangan;
  - c. inois, baucar, resit dan sebarang dokumen lain yang perlu untuk mengesahkan mana-mana perkara yang direkodkan dalam buku akaun;
  - d. dokumen, objek, bahan-bahan, artikel dan benda yang dikendalikan dan disimpan dalam sebarang bentuk medium elektronik; dan
  - e. sebarang rekod lain yang ditetapkan oleh KPHDN.
- 7.4.8 Kegagalan mematuhi seksyen 34A AP(CP) untuk menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap adalah satu kesalahan di bawah seksyen 57A AP(CP).
- 7.4.9 Sekiranya pembayar cukai gagal menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap, pegawai audit akan menggunakan kaedah atau pendekatan yang terbaik bagi menentukan sesuatu pendapatan telah dilaporkan dengan betul dan sepatutnya.

## 7.5 Penyelesaian Audit

- 7.5.1 Pembayar cukai boleh diminta hadir ke pejabat LHDNM bagi membincangkan isu penemuan audit yang terlibat.
- 7.5.2 Selain itu, pembayar cukai boleh hadir sendiri ke pejabat LHDNM bagi mendapatkan penjelasan berkenaan perkembangan proses audit atau memberikan maklumat lanjut bagi mempercepatkan penyelesaian audit.
- 7.5.3 Pembayar cukai akan dimaklumkan secara bertulis melalui Surat Penemuan Semakan Kes yang meliputi perkara-perkara berikut:
  - a. isu-isu audit yang dibangkitkan; dan
  - b. sebab dan rasional isu-isu yang dibangkitkan.
- 7.5.4 Pembayar cukai akan diberi peluang untuk memberi maklum balas dan penjelasan berkenaan dengan penemuan audit.
- 7.5.5 Jika pembayar cukai tidak berpuas hati dengan penemuan audit yang dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat bantahan secara rasmi dalam tempoh 18 hari kalendar dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahannya.
- 7.5.6 Bantahan pembayar cukai akan disemak dan pembayar cukai akan dimaklumkan sewajarnya berkenaan penemuan audit yang dimuktamadkan.
- 7.5.7 Jika tiada bantahan diterima dalam tempoh 18 hari kalendar dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes, pembayar cukai dianggap telah bersetuju dengan penemuan audit tersebut.
- 7.5.8 Jumlah pelarasan pendapatan, cukai dan penalti (jika ada) dan tahun-tahun taksiran yang terlibat akan dimaklumkan melalui Surat Penyelesaian Kes. Seterusnya notis taksiran cukai atau pemberitahuan tidak kena cukai akan dikeluarkan.
- 7.5.9 Sekiranya tiada pelarasan dibuat, surat memaklumkan tentang penyelesaian audit tanpa pelarasan akan dikeluarkan.

7.5.10 Bagi kes audit meja tertentu, surat pemberitahuan penemuan semakan kes tidak akan dikeluarkan kepada pembayar cukai. Pembayar cukai akan dimaklumkan berkenaan pelarasan pendapatan dan cukai yang dikenakan bersama-sama notis taksiran.

7.5.11 Kes audit perlu diselesaikan dalam tempoh 240 hari kalendar bagi eksplorasi / 450 hari kalendar bagi produksi dari permulaan tarikh lawatan audit atau tarikh Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes dikeluarkan. Sekiranya kes tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 240 hari kalendar (eksplorasi) / 450 hari kalendar (produksi) pembayar cukai akan dimaklumkan oleh LHDNM.

7.5.12 Kes audit yang telah diselesaikan tidak akan diaudit semula bagi tahun taksiran dan isu yang sama. Walau bagaimanapun jika terdapat isu-isu lain atau maklumat baharu yang diterima bagi tahun taksiran berkenaan, pengauditan semula boleh dijalankan.

## 7.6 Pengakuan Sukarela

7.6.1 Pengakuan sukarela bermaksud pembayar cukai membuat pengakuan sukarela selepas tarikh akhir pengemukaan BNP (bagi BNP yang telah dikemukakan) secara bertulis melalui surat atau media elektronik pada bila-bila masa iaitu sebelum tindakan audit bermula.

7.6.2 Tindakan audit bermula bermaksud tindakan pada tarikh surat memohon dokumen dan maklumat yang mana surat tersebut akan dikeluarkan kepada pembayar cukai melalui e-mel rasmi atau faks atau pos bagi tujuan pertanyaan atau mendapatkan maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan isu audit.

7.6.3 Layanan bagi pengakuan sukarela hanya akan diberikan kepada pembayar cukai yang mengemukakan BNP pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNP sahaja.

7.6.4 Semua pengakuan sukarela hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah Cawangan Industri Khas LHDNM.

## 8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB

### 8.1 LHDNM

8.1.1 Pegawai audit dikehendaki mematuhi peraturan dan kod etika yang digariskan oleh LHDNM seperti berikut dalam menjalankan tugasnya:

- a. profesional, bersopan, amanah, jujur dan berintegriti;
- b. sentiasa bersedia menerangkan tujuan kerja pengauditan dan hak serta tanggungjawab pembayar cukai;
- c. berpengetahuan dan melaksanakan undang-undang percukaian dengan adil dan saksama;
- d. bekerjasama dan sedia memberi nasihat dan bimbingan kepada pembayar cukai;
- e. memastikan kelancaran pelaksanaan audit dengan gangguan yang minimum kepada pembayar cukai;
- f. meminta dokumen, buku akaun dan maklumat-maklumat yang berkaitan sahaja;
- g. memberi penjelasan ke atas penemuan semakan kes serta memberi peluang kepada pembayar cukai memberi penjelasan dan maklumbalas ke atas isu-isu yang dipertikaikan di dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- h. memastikan hak dan kepentingan pembayar cukai, ejen cukai dan dokumen-dokumen pembayar cukai terpelihara.

8.1.2 Pengenalan diri pegawai audit:

- a. setiap pegawai audit diberikan kad kuasa yang tertera nama dan gambar. Kad ini juga mengandungi kenyataan bahawa pegawai berkenaan diberi kuasa menyemak buku-buku akaun, dokumen serta rekod di premis pembayar cukai;
- b. pembayar cukai dinasihatkan untuk memeriksa kad kuasa bagi mengesahkan kesahihan identiti pegawai audit; dan

- c. pembayar cukai juga boleh menyemak dengan Pengarah Cawangan Industri Khas LHDNM, jika merasa sangsi terhadap kesahihan identiti pegawai audit.

### 8.1.3 Pegawai audit dilarang:

- a. mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan terhadap perniagaan pembayar cukai yang diaudit;
- b. mengesyorkan kepada pembayar cukai untuk melantik ejen cukai tertentu sebagai ejen cukai bagi sesuatu kes audit; dan
- c. menyalahgunakan kedudukan atau kuasa yang ada dalam menjalankan tugas, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 56 AP(CP).

## 8.2 Pembayar Cukai

### 8.2.1 Tanggungjawab pembayar cukai:

- a. memberikan kerjasama, bersopan, berlaku adil, jujur dan berintegriti;
- b. menyediakan kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi membolehkan pegawai audit menjalankan tugas sebagaimana yang digariskan dalam seksyen 33 AP(CP) yang antaranya adalah seperti berikut:
  - i. membenarkan pegawai audit memasuki premis perniagaan, memberi maklumat dan menyediakan dokumen-dokumen dan rekod-rekod untuk disemak;
  - ii. memberi penerangan berhubung dengan perniagaan, sistem perakaunan dan maklumat;
  - iii. memberi kebenaran menyemak dan menyalin rekod, dokumen dan buku akaun sama ada dalam bentuk fizikal dan / atau elektronik;
  - iv. membantu menyediakan dan / atau mengakses rekod, dokumen, buku akaun yang disimpan secara fizikal dan / atau elektronik; dan

- v. membenarkan penggunaan mesin penyalin, telefon atau alat komunikasi yang lain, peralatan elektrik, ruang pejabat, perabot dan kemudahan sistem salinan elektronik seperti, cakera padat, pemacu pena (pen drive), cakera keras mudah alih (portable hard disk) atau sebarang media penyimpanan lain.
- c. Memberi kerjasama untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan:
  - i. sekiranya soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas, pembayar cukai boleh memohon penjelasan lanjut daripada pegawai audit; dan
  - ii. pembayar cukai dianggap melakukan satu kesalahan di bawah peruntukan AP(CP) sekiranya gagal bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

## 8.2.2 Pembayar cukai adalah dilarang:

- a. memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit dan berurusan dengan pegawai audit sepanjang tempoh pengauditan dijalankan;
- b. membuat sebarang bentuk bayaran kepada pegawai audit; dan
- c. menghalang pegawai audit daripada menjalankan tugas. Halangan tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 54 AP(CP) yang melibatkan perkara-perkara berikut:
  - i. menghalang atau enggan membenarkan pegawai audit memasuki mana-mana tanah, bangunan dan tempat menurut seksyen 33 AP(CP);
  - ii. menghalang pegawai audit untuk menjalankan fungsi-fungsi dan tugas di bawah AP(CP);
  - iii. enggan mengemukakan apa-apa buku akaun atau dokumen lain dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai audit;



- iv. gagal memberikan bantuan yang munasabah kepada pegawai audit dalam menjalankan tugasnya; atau
- v. enggan menjawab apa-apa soalan yang berkaitan semasa audit dijalankan.

## 8.3 Ejen Cukai Berdaftar

- 8.3.1 Pembayar cukai hendaklah mengemukakan surat pelantikan ejen cukai berdaftar yang mewakili mereka. Pembayar cukai boleh meminta ejen cukai berdaftar hadir bersama semasa sesi temuduga dijalankan. Pembayar cukai juga dibenarkan menggunakan khidmat jurubahasa semasa sesi temuduga atau perbincangan sekiranya pembayar cukai tidak fasih berbahasa Malaysia atau Inggeris.
- 8.3.2 Ejen cukai berdaftar adalah tertakluk kepada kod etika yang telah dikeluarkan oleh LHDNM yang berasaskan kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan integriti, akauntabiliti, ketelusan dan tanggungjawab sosial.
- 8.3.3 Dalam melaksanakan tugas, ejen cukai berdaftar hendaklah:
  - a. berintegriti, mempunyai nilai profesionalisme dan berpengetahuan tinggi terhadap undang-undang dan amalan percukaian;
  - b. jujur, amanah, telus dan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembayar cukai dan juga LHDNM, seperti memaklumkan penamatan khidmat mereka sebagai ejen cukai serta sentiasa mengikuti prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh LHDNM;
  - c. tidak menggunakan maklumat yang diperolehi atau kedudukan mereka sebagai ejen cukai bagi tujuan kepentingan peribadi;
  - d. sentiasa memberikan maklumbalas yang tepat berkenaan perkembangan proses pengauditan dan menasihati pembayar cukai berdasarkan kepada fakta yang tepat dan betul; dan
  - e. memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat dan memastikan supaya tidak berlaku kebocoran maklumat kepada pihak lain (subseksyen 71(1) AP(CP)).

8.3.4 Ejen cukai berdaftar adalah dilarang:

- a. memberikan nasihat yang salah serta bekerjasama dengan pembayar cukai untuk mengurangkan amaun cukai yang sepatutnya;
- b. melengahkan proses penyelesaian audit cukai atau melepaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan; dan
- c. memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit termasuk bagi pihak pembayar cukai.

## **9. KERAHSIAAN MAKLUMAT**

LHDNM akan memastikan semua maklumat yang diperoleh daripada pembayar cukai sama ada melalui temuduga, perbincangan, surat menyurat atau semakan rekod dan dokumen adalah rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan cukai pendapatan sahaja.

## **10. KESALAHAN DAN PENALTI**

- 10.1 Sekiranya terdapat kekurangan atau ketinggalan pendapatan berikutan daripada penemuan audit, penalti boleh dikenakan di bawah subseksyen 52(2) AP(CP) bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang (100%). Namun, bagi maksud Rangka Kerja Audit Cukai ini, penalti di bawah subseksyen 52(2) ACP dikenakan atas kadar 45% atas cukai yang terkurang. Walau bagaimanapun, KPHDN boleh menggunakan kuasa budi bicara berdasarkan seksyen 63 AP(CP) untuk mengurang atau menghapuskan penalti yang dikenakan.
- 10.2 Kadar penalti konsesi boleh dikenakan bagi kes-kes di mana pengakuan secara sukarela dibuat oleh pembayar cukai. Pembayar cukai tidak layak membuat pengakuan sukarela apabila tindakan audit telah bermula.
- 10.3 Kadar penalti di bawah subseksyen 52(2) AC(CP) bagi kes pengakuan sukarela adalah seperti berikut:

<b>Tempoh membuat pengakuan secara sukarela</b>	<b>Kadar</b>
Dalam tempoh 60 hari dari tarikh akhir pengemukaan BNP	10%

<b>Tempoh membuat pengakuan secara sukarela</b>	<b>Kadar</b>
Lebih daripada 60 hari hingga akhir bulan keenam dari tarikh akhir pengemukaan BNP	15%
Melebihi enam (6) bulan dari tarikh akhir pengemukaan BNP	35%

## **11. PENGADUAN**

- 11.1 Pembayar cukai boleh membuat pengaduan jika tidak berpuashati dengan sikap pegawai audit atau cara-cara pengendalian audit cukai kepada Pengarah Cawangan Industri Khas / Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai / Timbalan Ketua Pengarah / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- 11.2 LHDNM akan mengambil tindakan tegas, adil dan saksama dalam menangani aduan yang diterima.
- 11.3 LHDNM tidak akan melayan sebarang aduan yang tidak berasas serta mempunyai unsur-unsur atau niat yang tidak baik.
- 11.4 LHDNM akan membuat aduan terhadap ejen cukai atau wakilnya yang tidak memberi kerjasama atau bersikap tidak profesional dan bertentangan dengan kod etika kepada pihak berkuasa berkenaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia / *Chartered Tax Institute of Malaysia* / Institut Akauntan Malaysia / Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia / Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia / Majlis Peguam.

## **12. PROSEDUR BAYARAN**

- 12.1 Sekiranya terdapat pengenaan cukai dan penalti berbangkit daripada pelarasan audit, bayaran tersebut hendaklah dibuat melalui ejen yang dilantik atau Kaunter Bayaran LHDNM.
- 12.2 Pembayar cukai adalah dikehendaki untuk membuat bayaran penuh terhadap cukai yang dikenakan dan penalti berbangkit daripada pelarasan audit.

- 12.3 LHDNM boleh mempertimbangkan permohonan pembayar cukai untuk menjelaskan bayaran cukai tambahan dan penalti secara ansuran bagi tempoh yang ditetapkan.
- 12.4 Permohonan bayaran ansuran perlu dikemukakan kepada Pengarah Cawangan Industri Khas LHDNM untuk kelulusan.
- 12.5 Sekiranya pembayar cukai gagal membuat bayaran dalam tempoh yang dibenarkan atau tempoh ansuran yang dipersetujui, kenaikan cukai akan dikenakan ke atas baki cukai yang tidak dibayar.

## 13. RAYUAN

- 13.1 Seksyen 43 hingga 46 AP(CP) menyediakan ruang kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan berhubung dengan taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM.
- 13.2 Pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai, boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 30 hari selepas penyampaian Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai.
- 13.3 Semua rayuan terhadap taksiran hendaklah dibuat melalui Borang Q yang lengkap kepada Pengarah Cawangan Industri Khas LHDNM.

## 14. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum ini berkuat kuasa mulai 15 Disember 2019 dan membatalkan Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum bertarikh 1 April 2013.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**15 Disember 2019**